

## **MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DI KALANGAN PENDIDIK GURU: SATU KAJIAN KEPERLUAN PENSYARAH BARU.**

### **Panel Penyelidik**

**Pn. Premalatha Nair (IPBA)**

**Dr. Hamzah Ihsan (BPG)**

**Dr. Zuber Hassan (BPG)**

**Pn. Jaizah Mahamud (MPP)**

**En. Lee Lai Guan (IPDA)**

**En. Azni Jaffar (MPBP)**

### **PENDAHULUAN**

Dalam konteks dunia tanpa sempadan banyak harapan yang diletakkan ke atas bidang pendidikan sebagai strategi utama untuk menentukan kejayaan Wawasan 2020 kerana:

Education is big because it is seen as the engine of economic growth, a sure-fire route to future prosperity and victory in a global competition (Wolf, 2001, m.s. x).

Menyedari hakikat ini, langkah-langkah telah diatur untuk merealisasikan hasrat menjadikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia. Sehubungan itu, pembudayaan penyelidikan di kalangan pendidik guru menjadi agenda utama Bahagian Pendidikan Guru (BPG) kerana melalui penyelidikan, ilmu baru (new knowledge) dapat ditemui.

Knowledge of course have always played a role in the progress of nation. Knowledge of stars and geography of continent had enabled the early civilisations... (Mahathir, 2000, m.s. 12).

Penyelidikan merupakan elemen penting dalam pembangunan sesebuah organisasi. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini telah memberi penekanan

terhadap program penyelidikan dan pembangunan seperti dalam Rancangan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 yang menyatakan:

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan dijalankan oleh semua Jabatan/Bahagian dan institusi pendidikan KPM. Secara amnya, aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di Jabatan/Bahagian mempunyai perkaitan dengan hal-hal dasar dan isu-isu terkini pendidikan (m.s. 198).

Oleh yang demikian, selain memiliki kelayakan profesional yang asas, seseorang pendidik guru seharusnya terus memupuk minat dan membina pengetahuan serta kemahiran terkini dalam bidang penyelidikan. Usaha ini dapat dilaksanakan sama ada melalui penyelidikan yang diusahakan sendiri atau secara kolaborasi bagi mewujudkan 'a learning society' dalam profesion pendidikan seperti yang ditegaskan oleh Stenhouse (1975):

It is difficult to see how teaching can be improved or how curricular proposals can be evaluated without self-monitoring on the part of teachers. A research tradition which is accessible to teacher and which feeds teaching must be created if education is to be significantly improved (m.s. 165)

Selaras dengan visi dan misi BPG untuk menghasilkan sistem pendidikan guru yang bertaraf dunia (BPG, 1999) serta menjadikan penyelidikan sebagai budaya kerja pendidik guru, maka pendidik guru atau pensyarah perlulah menjadi penyelidik yang aktif supaya dapat meningkatkan kualiti kerja melalui penyelidikan. Kompetensi dalam melaksanakan penyelidikan merupakan prasyarat utama untuk menjadikan pendidik guru menjadi pendidik yang reflektif.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Pengetahuan dan kemahiran dalam penyelidikan pendidikan perlu dikuasai oleh para pendidik guru untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Konsep 'guru sebagai penyelidik' yang dipelopori oleh Stenhouse (1975), adalah amat bersesuaian dalam konteks latihan perguruan di negara kita. Selain itu, kurikulum latihan perguruan memerlukan para pendidik guru

memiliki ketrampilan penyelidikan untuk membimbing guru pelatih dan peserta kursus dalam bidang penyelidikan pendidikan (MOE, 1982; BPG, 2001).

Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas dan pemerhatian di lapangan, didapati pensyarah-pensyarah baru menghadapi cabaran dalam melaksanakan penyelidikan dan membimbing para guru pelatih dalam bidang berkenaan. Sehubungan itu, Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia bercadang melaksanakan kursus dan bengkel untuk kumpulan pensyarah tersebut. Bagi merealisasikan hasrat tersebut Unit Penyelidikan dan Pembangunan memerlukan maklumat tentang keperluan latihan dalam bidang penyelidikan pendidikan supaya pendedahan yang mantap dapat diberikan kepada semua pensyarah khususnya pensyarah baru.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini ingin menjawab persoalan berikut.

1. Sejauh manakah tahap kompetensi pensyarah baru dalam bidang penyelidikan?
2. Sejauh manakah tahap kompetensi pensyarah baru dalam bidang berikut?
  - a. Penyelidikan pendidikan
  - b. Pernyataan masalah
  - c. Tinjauan literatur
  - d. Metodologi penyelidikan kuantitatif
  - e. Metodologi penyelidikan kualitatif
  - f. Penyelidikan tindakan
  - g. Penulisan akademik.

### **METODOLOGI**

#### **Responden Kajian**

Responden dalam kajian ini terdiri daripada 161 orang pensyarah yang mengikuti Kursus Induksi Pensyarah Baru tahun 2003 Zon Sabah dan Sarawak.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah satu set soal selidik yang digubal sendiri oleh pengkaji berdasarkan sumber-sumber yang dikenal pasti. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi 6 item berkenaan dengan latar belakang responden.

Manakala bahagian B pula mempunyai 7 subkomponen yang terdiri daripada:

- Penyelidikan pendidikan
- Pernyataan masalah
- Tinjauan literatur
- Metodologi penyelidikan kuantitatif
- Metodologi penyelidikan kualitatif
- Penyelidikan tindakan
- Penulisan akademik

Soal selidik ini menggunakan skala Likert 7 poin (Edward, 1954). Bagi memudahkan data dianalisis, skala Likert 7 poin disesuaikan menjadi skala Likert 4 poin. Skala ini dipilih kerana memudahkan pengumpulan maklumat tentang darjah persetujuan [pengetahuan, pengalaman, kemahiran] responden terhadap tiap-tiap item yang digunakan.

Pada akhir soal selidik ini satu soalan terbuka (open ended) disertakan untuk memberi peluang kepada responden membuat ulasan tentang keperluan latihan dalam bidang penyelidikan.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Data Demografi Pensyarah-Pensyarah Baru**

Berdasarkan Jadual 1, jumlah responden dalam kajian ini ialah 161. Walau bagaimanapun, hanya 114 responden menyatakan jantina mereka semasa menjawab soal selidik. Berdasarkan data tersebut, 39.8%(n=64) ialah lelaki manakala 31.1%(n=50) ialah perempuan dan 29.1%(n=47) tidak menyatakan jantina mereka.

Seterusnya, didapati 69.5%(n=112) telah berkhidmat antara 1 - 4 tahun dan hanya 1.9%(n=3) responden telah berkhidmat lebih daripada 5 tahun di maktab perguruan. Sementara 28.6%(n=46) tidak memberikan maklumat tersebut.

**Jadual 1**  
**Data Demografi Pensyarah-Pensyarah Baru**

Item	Peratusan	Kekerapan
<b>Jantina</b>		
Lelaki	39.8	64
Perempuan	31.1	50
missing value	29.1	47
Jumlah	100	161
<b>Lama bertugas di maktab (tahun)</b>		
1-4	69.5	112
5-9	1.9	3
missing value	28.6	46
Jumlah	100	161
<b>Pengalaman mengajar di sekolah (tahun)</b>		
1-4	4.4	7
5-9	18.7	30
10-14	16.1	26
>15	33.5	54
missing value	27.3	44
Jumlah	100	161
<b>Mata Pelajaran yang diajar di maktab.</b>		
Sains Sosial	9.9	16
Sains	13.0	21
Pengajian Agama	5.0	8
Pendidikan Bahasa	21.1	34
Pendidikan	0.6	1
Teknikal	2.5	4
PJ/Sains Sukan	1.2	2
Missing value	46.6	75
Jumlah	100	161

Bagi aspek pengalaman mengajar di sekolah, didapati 33.5%(n=54) telah mengajar lebih daripada 15 tahun, 16.1%(n=26) mengajar antara 10-14 tahun dan 18.7%(n=30) mengajar antara 5-9 tahun sementara hanya 4.4%(n=7) mengajar antara 1-4 tahun. Manakala 27.3%(n=44) tidak menyatakan maklumat tentang pengalaman mengajar di sekolah.

Bagi mata pelajaran yang diajar di maktab perguruan pula, didapati 21.1%(n=34) responden mengajar Pendidikan Bahasa, 13%(n=21) mengajar Sains, 9.9%(n=16) mengajar Sains Sosial, 5.0%(n=8) mengajar Pengajian Agama, 2.5%(n=4) mengajar mata pelajaran Teknikal, 1.2%(n=2) mengajar Pendidikan Jasmani/Sains Sukan dan 0.6%(n=1) mengajar Ilmu Pendidikan. Manakala seramai 46.6%(n=75) responden tidak menyatakan mata pelajaran yang diajar.

### **Tahap Kompetensi Dalam Penyelidikan Pendidikan**

#### **(i) Penyelidikan Pendidikan**

Jadual 2 menunjukkan item-item yang dikaji dalam subkomponen penyelidikan pendidikan. Didapati sebahagian besar responden berpengetahuan dalam kompetensi penyelidikan pendidikan. Peratusan kompetensi mengikut item yang disenaraikan berjulat antara 52.2% - 60.9%.

Walau bagaimanapun, peratusan responden yang berpengalaman dalam kompetensi penyelidikan pendidikan adalah rendah jika dibandingkan dengan pengetahuan yang mereka miliki. Peratusan item-item berkenaan berjulat antara 30.4% - 38.5%.

Sementara peratusan responden yang berkemahiran dalam kompetensi penyelidikan pendidikan adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan peratusan pengetahuan dan pengalaman. Peratusan item-item berkenaan berjulat antara 6.2% - 9.9%.

Ringkasnya, responden mempunyai pengetahuan yang tinggi tetapi kurang pengalaman dalam kompetensi penyelidikan pendidikan. Kajian ini juga mendapati hampir semua responden menunjukkan tidak berkemahiran dalam kompetensi tersebut.

**Jadual 2**  
**Penyelidikan Pendidikan**

Item	Kompetensi				Missing Value
	1	2	3	4	
a. Definisi	0.6 (1)	54.0 (87)	34.2 (55)	9.9 (16)	1.2 (2)
b. Rasional	0.6 (1)	52.2 (84)	38.5 (62)	6.8 (11)	1.9 (3)
c. Ciri-ciri	1.9 (3)	54.7 (88)	35.4 (57)	6.2 (10)	1.9 (3)
d. Jenis-jenis	0.6 (1)	60.9 (98)	30.4 (49)	6.2 (10)	1.9 (3)
e. Isu-isu	1.2 (2)	55.9 (90)	33.5 (54)	7.5 (12)	1.9 (3)
f. Proses	0.6 (1)	56.3 (90)	34.4 (55)	6.9 (11)	1.9 (3)
g. Etika	1.9 (3)	55.9 (90)	33.5 (54)	6.8 (11)	1.9 (3)

Petunjuk: 1=Tiada Pengetahuan, 2=Berpengetahuan,  
3=Berpengalaman, 4=Berkemahiran

**(ii) Pernyataan Masalah**

Jadual 3 menunjukkan tahap kompetensi responden dalam menyatakan permasalahan kajian. Data menunjukkan 55.3% (n=89) responden berpengetahuan dalam kerangka konseptual kajian. Manakala hanya 33.4% (n=54) berpengalaman dalam item tersebut. Sementara kompetensi responden bagi masalah kajian dan objektif kajian menunjukkan peratusan yang hampir sama pada tahap berpengetahuan dan berpengalaman. Walau bagaimanapun data menunjukkan hampir kesemua responden tidak berkemahiran dalam item yang disenaraikan.

Jadual 3

## Pernyataan Masalah

Item	Kompetensi				Missing Value
	1	2	3	4	
a. Kerangka Konseptual Kajian	1.2 (2)	55.3 (89)	33.4 (54)	7.5 (12)	2.5 (4)
b. Masalah Kajian	1.9 (3)	46.6 (75)	44.1 (71)	6.8 (11)	0.6 (1)
c. Objektif kajian	1.2 (2)	46.6 (75)	42.2 (68)	8.7 (14)	1.2 (2)

Petunjuk: 1=Tiada Pengetahuan, 2=Berpengetahuan,  
3=Berpengalaman, 4=Berkemahiran

## (iii) Tinjauan Literatur

Jadual 4 menunjukkan kompetensi responden dalam tinjauan literatur. Data menunjukkan hampir separuh daripada responden berpengetahuan dalam cara membuat tinjauan literatur dan sorotan artikel dalam jurnal penyelidikan. Sebanyak 42.9% (n=69) responden berpengetahuan tentang peranan tinjauan literatur. Walau bagaimanapun data yang diperoleh menunjukkan responden masih kurang berpengalaman dan kurang berkemahiran dalam membuat tinjauan literatur. Contohnya, 44.7% (n=72) responden berpengalaman tentang peranan tinjauan literatur dan hanya 8.1% (n=13) yang berkemahiran dalam item tersebut. Begitu juga dengan cara membuat tinjauan literatur dan membuat sorotan artikel dalam jurnal penyelidikan, hanya satu pertiga responden yang berpengalaman dalam item-item tersebut. Secara keseluruhannya, data memperlihatkan lebih daripada dua pertiga responden kurang berkemahiran menjalankan tinjauan literatur dalam penyelidikan pendidikan.

**Jadual 4**  
**Tinjauan Literatur**

Item	Kompetensi				Missing Value
	1	2	3	4	
a. Peranan tinjauan literatur	3.1 (5)	42.9 (69)	44.7 (72)	8.1 (13)	1.2 (2)
b. Cara buat tinjauan literatur	2.5 (4)	48.5 (78)	39.8 (64)	8.1 (13)	1.2 (2)
c. Sorotan artikel dalam jurnal penyelidikan	3.7 (6)	48.5 (78)	39.8 (64)	6.8 (11)	1.2 (2)

Petunjuk: 1=Tiada Pengetahuan, 2=Berpengetahuan,  
3=Berpengalaman, 4=Berkemahiran

**(iv) Metodologi Penyelidikan Kuantitatif**

Jadual 5 menunjukkan responden mempunyai pengetahuan tetapi kurang berpengalaman dalam metodologi penyelidikan kuantitatif. Contohnya, dalam reka bentuk penyelidikan kuantitatif didapati 55.3% (n=89) responden yang berpengetahuan tetapi hanya 34.1% (n=55) yang berpengalaman. Data juga menunjukkan kurang daripada sepuluh peratus responden berkemahiran dalam item yang disenaraikan.

Dengan kata lain, sebahagian besar responden berpengetahuan dalam metodologi penyelidikan kuantitatif tetapi hanya sebilangan kecil responden berpengalaman dalam bidang tersebut manakala hanya segelintir responden yang menganggap diri mereka berkemahiran dalam aspek berkenaan.

**Jadual 5**  
**Metodologi Penyelidikan Kuantitatif**

Item	Kompetensi				Missing Value
	1	2	3	4	
a. Falsafah Penyelidikan kuantitatif	1.9 (3)	58.4 (94)	31 (50)	6.8 (11)	1.9 (3)
b. Definisi populasi	1.2 (2)	55.9 (90)	34.8 (56)	6.8 (11)	1.2 (2)
c. Jenis-jenis populasi	1.2 (2)	55.9 (90)	34.8 (56)	6.8 (11)	1.2 (2)
d. Definisi sampel	2.5 (4)	49.7 (80)	38.5 (62)	8.1 (13)	1.2 (2)
e. Jenis-jenis sampel	1.9 (3)	53.4 (86)	36.0 (58)	7.5 (12)	1.2 (2)
f. Reka bentuk penyelidikan	2.5 (4)	55.3 (89)	34.1 (55)	6.8 (11)	1.2 (2)
g. Pengumpulan data kuantitatif	1.9 (3)	49.1 (79)	40.4 (65)	6.8 (11)	1.9 (3)
h. Pembinaan instrumen kajian	2.5 (4)	55.3 (89)	34.1 (55)	6.8 (11)	1.2 (2)
i. Pentadbiran instrumen kajian	1.9 (3)	52.8 (85)	35.4 (57)	7.4 (12)	2.5 (4)
j. Analisis data kuantitatif (SPSS)	5.6 (9)	57.2 (92)	32.3 (52)	3.1 (5)	1.9 (3)

Petunjuk: 1=Tiada Pengetahuan, 2=Berpengetahuan,  
3=Berpengalaman, 4=Berkemahiran

**(v) Metodologi Penyelidikan Kualitatif**

Jadual 6 menunjukkan tahap kompetensi responden dalam bidang metodologi penyelidikan kualitatif. Dapatan menunjukkan lebih daripada separuh responden berpengetahuan dalam bidang tersebut. Peratusan responden bagi item-item yang dikemukakan berjulat antara 50.9% (n=82) – 64.6% (n=104).

**Jadual 6**  
**Metodologi Penyelidikan Kualitatif**

Item	Kompetensi				Missin g Value
	1	2	3	4	
a. Falsafah Penyelidikan Kualitatif	3.1 (5)	62.1 (100)	28.6 (46)	5.6 (9)	0.6 (1)
b. Kajian Kes sebagai Penyelidikan Kualitatif	6.2 (10)	61.5 (99)	26.7 (43)	5.0 (8)	0.6 (1)
c. Analisis Dokumen Sebagai Penyelidikan Kualitatif	1.9 (3)	56.5 (91)	33.5 (54)	7.5 (12)	0.6 (1)
d. Kaedah Mengumpul Data:					
i. Pemerhatian	2.5 (4)	54.7 (88)	35.4 (57)	6.8 (11)	0.6 (1)
ii. Temubual	3.1 (5)	52.8 (85)	37.3 (60)	6.2 (10)	0.6 (1)
iii. Pengumpulan Dokumen	6.2 (10)	57.8 (93)	30.4 (49)	4.3 (7)	1.2 (2)
iv. Nota Lapangan	6.2 (10)	58.4 (94)	28.6 (46)	5.6 (9)	1.2 (2)
v. Penulisan Jurnal	9.3 (15)	64.6 (104)	18.0 (29)	6.2 (10)	1.9 (3)
e. Analisis dan Pentafsiran Data Induktif:					
i. Pengkodan Data	9.3 (15)	64.0 (103)	18.6 (30)	5.6 (9)	2.5 (4)
ii. Pengkategorian Data	6.8 (11)	50.9 (82)	26.7 (43)	5.0 (8)	10.6 (17)

Petunjuk: 1=Tiada Pengetahuan, 2=Berpengetahuan,  
3=Berpengalaman, 4=Berkemahiran

Didapati juga peratusan responden yang menganggap diri mereka berpengalaman agak rendah apabila dibandingkan dengan peratusan responden yang berpengetahuan dalam aspek tersebut. Peratusan responden bagi item-item yang berkaitan berjalut antara 18.0% (n=29) – 37.3%(n=60). Kurang daripada sepuluh peratus responden yang menyatakan mereka berkemahiran dalam metodologi penyelidikan kualitatif.

Umumnya, dapatan menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan dalam metodologi penyelidikan kualitatif tetapi kurang berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang tersebut.

(vi) **Penyelidikan Tindakan**

**Jadual 7**  
**Penyelidikan Tindakan**

Item	Kompetensi				Missing Value
	1	2	3	4	
a. Pelaksanaan penyelidikan tindakan	4.3 (7)	54.7 (88)	32.3 (52)	8.1 (13)	0.6 (1)

Petunjuk: 1=Tiada Pengetahuan, 2=Berpengetahuan,  
3=Berpengalaman, 4=Berkemahiran

Jadual 7 menunjukkan tahap kompetensi responden menjalankan penyelidikan tindakan. Didapati 54.7% (n=88) responden menyatakan mereka berpengetahuan dalam menjalankan penyelidikan tindakan, 32.3% (n=52) pula beranggapan mereka berpengalaman dalam menjalankan penyelidikan tindakan. Walau bagaimanapun, hanya 8.1% (n=13) menyatakan mereka mahir dalam menjalankan penyelidikan tindakan.

Berdasarkan data tersebut, boleh disimpulkan bahawa kebanyakan responden berpengetahuan dalam penyelidikan tindakan tetapi kurang berkemahiran dalam menjalankan penyelidikan tindakan.

**(vii) Penulisan Akademik**

Jadual 8 menunjukkan kompetensi responden terhadap penulisan akademik. Secara keseluruhan, lebih 50% responden mempunyai pengetahuan dalam penulisan akademik. Daripada empat item yang disenaraikan, item yang paling ketara dari segi perbezaan antara mereka yang berpengetahuan dengan berpengalaman ialah format penulisan laporan. Analisis juga menunjukkan bahawa kurang daripada 10% responden berkemahiran dalam semua item yang disenaraikan.

**Jadual 8**  
**Penulisan Akademik**

Item	Kompetensi				Missing Value
	1	2	3	4	
a. Gaya penulisan akademik	6.8 (11)	56.5 (91)	27.3 (44)	8.1 (13)	1.2 (2)
b. 'Citations'	6.8 (11)	55.3 (89)	28.6 (46)	8.7 (14)	0.6 (1)
c. 'Referencing'	4.3 (7)	59.7 (96)	26.7 (43)	8.7 (14)	0.6 (1)
d. Format penulisan laporan	5.6 (9)	60.9 (98)	24.2 (39)	8.7 (14)	0.6 (1)

Petunjuk: 1=Tiada Pengetahuan, 2=Berpengetahuan, 3=Berpengalaman, 4=Berkemahiran

Dapat disimpulkan bahawa majoriti responden berpengetahuan dalam penulisan akademik tetapi tidak berpengalaman dan tidak berkemahiran dalam bidang tersebut.

**Usul Responden**

Merujuk soalan terbuka dalam soal selidik, dua isu utama dikenal pasti iaitu;

- i. keperluan latihan
- ii. cabaran yang dihadapi oleh responden dalam melaksanakan penyelidikan pendidikan.

### i. Keperluan latihan

Berkaitan isu keperluan latihan, responden telah mencadangkan Kursus Penyelidikan 12 Minggu ditawarkan kepada lebih ramai pensyarah. Selain itu responden juga menyarankan supaya kursus pendek atau latihan pembangunan staf dalam bidang penyelidikan dilaksanakan pada peringkat maktab. Jenis-jenis kursus yang diperlukan oleh mereka ialah analisis data, kajian tindakan, metodologi penyelidikan kualitatif dan pengetahuan asas penyelidikan.

### ii. Cabaran

Responden telah mengemukakan beberapa cabaran yang dihadapi mereka dalam melaksanakan penyelidikan pendidikan. Antaranya ialah;

- a. **komitmen** pensyarah yang banyak dan pelbagai di maktab menyebabkan mereka mempunyai masa yang terbatas untuk menjalankan penyelidikan. Sehubungan itu mereka mencadangkan agar pensyarah yang terlibat dengan aktiviti penyelidikan diberi masa yang mencukupi untuk menjalankan penyelidikan.
- b. **pengiktirafan** daripada pihak pentadbiran dan pengurusan maktab serta BPG.
- c. **kemudahan** untuk menjalankan penyelidikan iaitu kemudahan fizikal dan kepakaran penyelidikan.

### Kesimpulan

Secara keseluruhan didapati bahawa kebanyakan pensyarah yang mengikuti Kursus Induksi Pensyarah Baru sesi 2003 Zon Sabah dan Sarawak mempunyai pengetahuan dalam bidang penyelidikan. Walau bagaimanapun mereka tidak memiliki kemahiran yang mencukupi dalam melaksanakan bidang penyelidikan pendidikan. Pernyataan yang diberikan oleh responden dalam soalan terbuka secara tipikal menguatkan lagi dapatan kajian ini. Misalnya:

*Saya amat-amat berminat dengan penyelidikan namun kurang pendedahan bagaimana membuat penyelidikan yang betul (R081).*

*Masih baru dalam bidang penyelidikan [dan] perlu kursus yang berkaitan (R 032).*

*Kurang mahir dalam pemilihan kaedah analisis data yang bersesuaian, kurang mahir dalam [mengintepretasi] dapatan daripada analisis data menggunakan SPSS (R 051).*

*Kurang berpengalaman dalam penyelidikan selepas 11 tahun meninggalkan alam pengajian. Perlu adainisiatif dan kesungguhan untuk melibatkan diridalam dunia penyelidikan (R 108).*

*In school there is no input on research [whereas] in college there is only little input given. Personally I need continuous input on research from college (R107).*

Daripada pernyataan di atas, jelas menunjukkan pensyarah maktab memerlukan latihan dan bimbingan dalam bidang penyelidikan pendidikan.

### **CADANGAN PANEL**

Berdasarkan hasil dapatan di atas, berikut adalah langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan bagi memenuhi keperluan latihan pensyarah dalam bidang penyelidikan pendidikan.

- i. Pengalaman secara 'hands-on' melalui kursus pendek yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat oleh Unit LDP dan Jabatan R&D maktab/institut perguruan. Misalnya penyediaan kertas

- ii. cadangan, analisis data dan penulisan laporan diadakan secara berperingkat-peringkat.
- iii. Skim galakan penyelidikan perlu diberikan kepada penyelidik yang menjalankan penyelidikan dengan mewujudkan anugerah penyelidikan, memberi peluang membentangkan hasil kajian sama ada di dalam atau luar negara, memberi galakan untuk menerbitkan penulisan dalam jurnal akademik tempatan dan antarabangsa.
- iv. Mewujudkan pusat Kursus Penyelidikan 12 Minggu di setiap zon bagi memudahkan pensyarah-pensyarah mengikuti kursus tersebut.
- v. Mewujudkan wacana professional menerusi persidangan meja bulat (round table conference) secara berkala dengan memberi tumpuan kepada bidang penyelidikan pendidikan.
- vi. Menyediakan rangkaian perkongsian bijak (smart partnership) antara maktab perguruan dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) atau mana-mana institusi yang berkaitan.
- vii. Menjadikan penyelidikan sebahagian daripada tugas rasmi pensyarah dan diambil kira dalam penilaian prestasi tahunan.
- viii. Mempertingkatkan kemudahan penyelidikan dari segi bahan rujukan seperti jurnal akademik dan rujukan maya.
- ix. Memberi peruntukan kewangan yang mencukupi untuk aktiviti penyelidikan pendidikan dilaksanakan.

## **PENUTUP**

Adalah diharapkan hasil dapatan dan cadangan dalam kajian ini dapat menjadi pemangkin dalam usaha mempertingkatkan amalan penyelidikan pendidikan di kalangan pensyarah maktab sesuai dengan visi dan misi BPG bagi mencemerlangkan pendidikan guru bertaraf dunia.

Walau bagaimanapun selain daripada memenuhi keperluan latihan pensyarah dalam bidang penyelidikan pendidikan apa yang lebih penting ialah kesedaran pensyarah itu sendiri tentang peranannya sebagai 'knowledge provider' melalui aktiviti penyelidikan pendidikan.

**BIBLIOGRAFI**

- Bahagian Pendidikan Guru (1999), *Halatuju Latihan Guru Perancangan Strategik dan Rangka Pelan Perspektif Pembangunan Maktab Perguruan Tahun 2000-2010*. Unit Dasar, Perancangan dan Pembangunan, BPG, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahathir Mohamad (2000). Advancements in Communication Technology, dalam Ng Tieh Chuan (2003) (ed.), *Mahathir Mohamad: A Visionary & His Vision of Malaysia's K-Economy*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications. m.s. 1-10.
- Ministry of Education Malaysia (2001). *Towards Strategic Planning: Outline Perspective and Development of Teacher Education College 2001 – 2010*. A booklet for internal use (Policy, Planning and Development Unit) Teacher Education Division.
- Ministry of Education Malaysia (1982). *The Philosophy of Teacher Education in Malaysia* (Report of the National Workshop and Survey). Kuala Lumpur: Teacher Education Division.
- Stenhouse, L. (1975). *An Introduction to Curriculum Research and Development*. London: Heinemann.
- Wolf, A. (2001). *Does Education Matter? Myths about Education and Economic Growth*. London: Penguin Books.